

**SOALAN LAZIM**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2015**  
**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2015 (BKK 2015)**

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
<b>Sistem Saraan</b>		
1.	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan (JKK, SSB dan SSM) yang berkhidmat dalam tahun 2015 dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.	Layak tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.
<b>Kontrak</b>		
2.	Pegawai lantikan kontrak Perkhidmatan Awam Persekutuan (Contract of Service) yang dilantik ke jawatan tetap/ sementara/ kontrak dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan tertakluk kepada pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.	Layak tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.
3.	Pegawai <i>Contract of Service</i> berkhidmat dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Mei 2015. Pegawai telah dilantik semula sebagai <i>Contract of Service</i> bermula pada 2 Jun 2015.	Tidak layak kerana berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut bagi tempoh kontrak yang berkuat kuasa dan perkhidmatan dengan kontrak terdahulu telah terputus.  Pegawai yang dilantik pada/ sebelum 19 Mei 2015 layak dibayar BKK 2015 kerana memenuhi syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.
4.	Pegawai <i>Contract for Service</i> berkhidmat dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 31 Mei 2015. Pegawai telah dilantik semula sebagai	Tertakluk kepada peraturan yang ditadbir oleh Kementerian Kewangan secara berasingan.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
	<i>Contract for Service</i> bermula pada 2 Jun 2015.	
<b>Pelantikan Dalam Perkhidmatan</b>		
5.	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.	Layak tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.  (Pelepasan dengan izin dimansuhkan dan diganti dengan dasar pelepasan/peletakan jawatan).
6.	Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.	Layak tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.
7.	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan.	Layak BKK 2015 tertakluk kepada penerimaan pemakaian pihak Perkhidmatan Awam Negeri/ Pihak Berkuasa Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan.
<b>Peng korporatan/ Penswastan dan Pengasingan</b>		
8.	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di agensi awam yang dikorporatkan/ diswastakan atau diasingkan saraannya dan memilih untuk kekal dalam JKK/ SSB/ SSM.	Layak tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.
9.	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di agensi awam yang dikorporatkan/ diswastakan atau diasingkan saraannya dan memilih sistem saraan syarikat/ pengasingan.	Tidak layak.

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
<b>Meletak Jawatan/ Berhenti/ Ditamatkan Perkhidmatan</b>		
10.	Meletak jawatan/ berhenti/ ditamatkan perkhidmatan pada/ sebelum 17 Jun 2015.	Tidak layak kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.
<b>Syarat Kelayakan</b>		
11.	Pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.	Layak tertakluk kepada syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.
12.	Pegawai yang dilantik pada/ selepas 20 Mei 2015.	Tidak layak kerana berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut.  Pegawai yang dilantik pada/ sebelum 19 Mei 2015 layak dibayar BKK 2015 kerana memenuhi syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.
<b>Pekerja Sambilan Harian (PSH)</b>		
13.	PSH berkhidmat dalam tempoh 1 Mac 2015 hingga 31 Mei 2015. Pegawai dilantik semula sebagai PSH bermula pada 2 Jun 2015.	Tidak layak kerana berkhidmat kurang daripada 30 hari berturut-turut bagi tempoh kontrak yang berkuat kuasa mulai 2 Jun 2015.  Pegawai yang dilantik pada/ sebelum 19 Mei 2015 layak dibayar BKK 2015 kerana memenuhi syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2015 hingga 17 Jun 2015.
14.	Kelayakan BKK 2015 bagi pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib selain daripada amaran	Bagi pegawai yang sedang dalam prosiding rayuan tatatertib, sekiranya

BIL.	STATUS	KELAYAKAN
	tetapi pegawai sedang dalam prosiding rayuan tatatertib.	<p>pegawai tersebut mengemukakan rayuan bagi hukuman selain daripada amaran, pembayaran BKK 2015 ditangguhkan sehingga Pihak Berkuasa Rayuan Tatatertib membuat keputusan ke atas rayuan pegawai.</p> <p>Situasi berkaitan keputusan Pihak Berkuasa Rayuan dan status pembayaran BKK 2015 adalah seperti di <b>Jadual 1</b>.</p>

**Jadual 1: Situasi Berkaitan Keputusan Pihak Berkuasa Rayuan Dan Status Pembayaran BKK 2015**

<b>BIL.</b>	<b>KEPUTUSAN PIHAK BERKUASA RAYUAN</b>	<b>STATUS PEMBAYARAN</b>
1.	Mengesahkan dan mengekalkan hukuman.	Pegawai tidak layak dibayar BKK 2015.
2.	Mengesahkan hukuman tetapi mengubah hukuman kepada hukuman yang lebih ringan (selain daripada amaran).	Pegawai tidak layak dibayar BKK 2015.
3.	Mengesahkan hukuman tetapi mengubah hukuman kepada hukuman yang lebih ringan (amaran).	Pegawai layak dibayar BKK 2015.
4.	Mengakas keputusan hukuman dan membebaskan perayu.	Pegawai layak dibayar BKK 2015.
5.	Menghantar balik kes kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula (remit).	Ditangguhkan pembayaran BKK 2015 sehingga Lembaga Tatatertib memutuskan hukuman ke atas pegawai. Penentuan pembayaran BKK 2015 ini akan dibuat selaras dengan penetapan di perenggan 8, PP 3/2015.